



**ZAKI** (belakang, lima dari kiri) bersama Alumni UMS Chapter Putrajaya. Turut kelihatan Darwis (belakang, empat dari kiri) dan Ismail (belakang, tujuh dari kiri).

## Alumni UMS Chapter Putrajaya bakal tubuhkan koperasi

UB 22.8.2018 A5

KUALA LUMPUR: Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) Chapter Putrajaya mengadakan Protem Jawatankuasa Penubuhan Koperasi Alumni UMS Semenanjung di salah sebuah hotel di sini.

Presiden Alumni UMS Chapter Putrajaya Mohamad Farizal Mohamad Shawal berkata program itu bagi membincangkan lanjut mengenai cadangan penubuhan Koperasi Alumni UMS Semenanjung bersama pihak pengurusan UMS.

“Saya berpendapat koperasi ini mempunyai signifikansi yang tinggi terhadap semua ahli alumni UMS yang ada di sini (Semenanjung).

“Sebagai gambaran awal, penubuhan koperasi ini merupakan satu platform untuk menjana dana dan pendapatan bagi membiayai aktiviti kebajikan alumni selain daripada

memberi manfaat kepada ahlinya,” katanya ketika ditemui pada majlis itu.

Pertemuan itu turut diadakan sempena majlis perpisahan bersama mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tun Zaki Tun Azmi.

Farizal berkata, sepanjang Tun Zaki menjadi pengerusi Lembaga Pengarah, beliau sentiasa memberi sokongan padu serta dorongan dan bantuan kepada alumni UMS.

“Sehubungan itu, majlis ini juga bertujuan meraikan beliau sebagai tanda terima kasih atas segala nasihat dan bimbingan kepada kami selama ini,” jelasnya.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof Dr Ismail Ali dan Pengarah Pusat Alumni UMS Darwis Awang.